



30 Ogos 2012
30 August 2012
P.U. (A) 274

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN IDENTIFIKASI ASID
DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2012

*DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

PERATURAN-PERATURAN IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kebenaran untuk mengambil sampel intim atau sampel bukan intim
4. Maklumat yang akan diberikan sebelum membuat suatu permintaan bagi pengambilan sampel intim
5. Maklumat yang akan diberikan sebelum membuat suatu permintaan bagi pengambilan sampel bukan intim
6. Keizinan yang berkenaan hendaklah diberi sebelum pengambilan sampel intim
7. Keizinan yang berkenaan hendaklah diberi sebelum pengambilan sampel intim atau bukan intim yang diberikan secara sukarela
8. Tatacara bagi pengambilan sampel intim
9. Tatacara bagi pengambilan sampel bukan intim
10. Tatacara bagi pengambilan sampel intim atau bukan intim di tempat kejadian jenayah
11. Penyimpanan dan penghantaran pakej DNA
12. Maklumat yang akan direkodkan apabila pakej DNA dihantar
13. Penyimpanan sampel intim dan sampel bukan intim
14. Memuat naik profil dan maklumat DNA ke dalam Bank Data DNA
15. Pelupusan sampel intim dan bukan intim
16. Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang yang disyaki
17. Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks sukarela
18. Pewujudan tatacara standard

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA
JADUAL KEEMPAT
JADUAL KELIMA

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

PERATURAN-PERATURAN IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 [*Akta 699*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2012.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“makmal DNA” ertinya suatu makmal yang menjalankan analisis forensik DNA ke atas sampel intim atau bukan intim yang diambil daripada tubuh badan manusia atau dari tempat kejadian jenayah, di Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia atau mana-mana agensi atau badan sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri menurut seksyen 5 Akta;

“pakej DNA” ertinya pakej atau bekas yang mengandungi sampel intim atau bukan intim yang telah dilabel dengan tanda pengenalan dan dilak seperti yang dikehendaki di bawah peraturan 8 dan 9, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kebeharuan untuk mengambil sampel intim atau sampel bukan intim

3. Bagi maksud pengambilan sampel intim atau sampel bukan intim daripada mana-mana orang yang dirujuk di bawah seksyen 12 atau 13 Akta, pegawai diberi kuasa hendaklah memberikan kebenarannya secara bertulis dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Maklumat yang akan diberikan sebelum membuat suatu permintaan bagi pengambilan sampel intim

4. Jika sesuatu sampel intim hendak diminta daripada seseorang, pegawai polis hendaklah memaklumi orang itu—

- (a) jenis sampel intim yang dikehendaki;
- (b) alasan dan tujuan sampel intim itu diminta;
- (c) bahawa keizinan hendaklah secara bertulis; dan
- (d) bahawa sampel intim hendaklah dianalisis dan keputusan analisis tersebut boleh digunakan sebagai keterangan di dalam penyiasatan jenayah, pendakwaan atau bagi tujuan lain.

Maklumat yang akan diberikan sebelum membuat suatu permintaan bagi pengambilan sampel bukan intim

5. Jika sesuatu sampel bukan intim hendak diminta daripada seseorang, pegawai polis hendaklah memaklumi orang itu—

- (a) jenis sampel bukan intim yang dikehendaki;
- (b) alasan dan tujuan sampel bukan intim itu diminta; dan
- (c) bahawa sampel bukan intim itu hendaklah dianalisis dan keputusan analisis tersebut boleh digunakan sebagai keterangan di dalam penyiasatan jenayah, pendakwaan atau bagi tujuan lain.

Keizinan yang berkenaan hendaklah diberi sebelum pengambilan sampel intim

6. Bagi maksud pengambilan sampel intim daripada—

- (a) seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan;

(b) orang tahanan;

(c) penagih dadah; atau

(d) banduan,

keizinan yang berkenaan hendaklah diberi oleh orang yang daripadanya sampel intim itu diambil dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Keizinan yang berkenaan hendaklah diberi sebelum pengambilan sampel intim atau bukan intim yang diberikan secara sukarela

7. Bagi maksud pengambilan sampel intim atau bukan intim yang diberikan secara sukarela, keizinan yang berkenaan hendaklah diberi oleh orang yang memberikan sampel intim atau bukan intim secara sukarela itu dalam borang yang dinyatakan di dalam Jadual Ketiga.

Tatacara bagi pengambilan sampel intim

8. (1) Seseorang pegawai perubatan kerajaan yang mengambil sampel intim daripada mana-mana orang hendaklah memastikan bahawa tatacara bagi pengambilan sampel intim itu dilaksanakan dengan suatu cara yang selaras dengan standard perubatan atau badan profesional yang berkaitan.

(2) Pegawai perubatan kerajaan itu hendaklah memastikan bekas yang mengandungi sampel intim atau pakej yang mengandungi bekas sampel intim itu—

(a) dilabel dengan suatu tanda pengenalan;

(b) dilak; dan

(c) diserahkan kepada pegawai polis yang bertanggungjawab bagi pemungutan sampel intim tersebut.

(3) Tanda pengenalan yang disebut dalam perenggan (2)(a) hendaklah termasuk—

- (a) nama orang yang daripadanya suatu sampel intim diambil;
- (b) nombor kad pengenalan, nombor pasport atau apa-apa pengenalan lain orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) tarikh sampel intim itu diambil; dan
- (d) nombor laporan polis, jika berkenaan.

Tatacara bagi pengambilan sampel bukan intim

9. (1) Seseorang pegawai perubatan kerajaan, pegawai polis atau ahli kimia yang mengambil suatu sampel bukan intim daripada mana-mana orang hendaklah memastikan bahawa tatacara bagi pengambilan sampel bukan intim itu dilaksanakan dengan suatu cara yang selaras dengan standard perubatan atau badan profesional yang berkaitan.

(2) Pegawai perubatan kerajaan, pegawai polis atau ahli kimia itu hendaklah memastikan bekas yang mengandungi sampel bukan intim atau pakej yang mengandungi bekas sampel bukan intim itu—

- (a) dilabel dengan suatu tanda pengenalan;
- (b) dilak; dan
- (c) diserahkan kepada pegawai polis yang bertanggungjawab bagi pemungutan sampel bukan intim itu.

(3) Tanda pengenalan yang disebut dalam perenggan (2)(a) hendaklah termasuk—

- (a) nama orang yang daripadanya suatu sampel bukan intim diambil;

- (b) nombor kad pengenalan, nombor pasport atau apa-apa pengenalan lain orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) tarikh sampel bukan intim itu diambil; dan
- (d) nombor laporan polis, jika berkenaan.

Tatacara bagi pengambilan sampel intim atau bukan intim di tempat kejadian jenayah

10. Apabila suatu sampel intim atau bukan intim ditemui—

- (a) pada apa-apa benda atau di mana-mana tempat suatu kesalahan dilakukan;
- (b) pada atau di dalam tubuh mangsa suatu kesalahan;
- (c) pada apa-apa benda yang dipakai atau dibawa oleh mangsa suatu kesalahan pada masa kesalahan itu dilakukan; atau
- (d) pada atau di dalam tubuh mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki melakukan suatu kesalahan,

pegawai polis yang mengambil sampel intim atau bukan intim dari tempat kejadian jenayah hendaklah memastikan tatacara bagi pengambilan sampel intim atau bukan intim itu dilaksanakan dalam suatu cara yang selaras dengan Perintah Tetap, yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara menurut seksyen 97 Akta Polis 1967 [Akta 344].

Penyimpanan dan penghantaran pakej DNA

11. (1) Semua pakej DNA yang dipungut sebelum penghantaran ke makmal DNA hendaklah disimpan dengan selamat.

(2) Pegawai polis yang bertanggungjawab bagi pemungutan sampel intim atau bukan intim yang disebut dalam perenggan 8(2)(c) dan 9(2)(c) hendaklah menghantar pakej DNA kepada makmal DNA dalam tempoh yang munasabah.

(3) Pakej DNA yang diserahkan kepada makmal DNA untuk analisis forensik hendaklah disertakan bersama suatu surat permohonan daripada pegawai polis.

Maklumat yang akan direkodkan apabila pakej DNA dihantar

12. (1) Makmal DNA yang menerima pakej DNA untuk analisis ujian DNA hendaklah memastikan bahawa pakej DNA itu dilak dengan sepatutnya, dilabel dan boleh dikenal pasti.

(2) Pakej DNA itu hendaklah didaftarkan menurut standard tatacara pengendalian makmal DNA.

Penyimpanan sampel intim dan sampel bukan intim

13. (1) Ketua Bank Data DNA hendaklah memastikan sampel intim atau bukan intim yang diterima disimpan di lokasi selamat yang dinamakan di makmal DNA.

(2) Ketua Bank Data DNA hendaklah mewujudkan dan menyenggara suatu daftar bagi maksud menguruskan penyimpanan sampel intim dan bukan intim.

Memuat naik profil dan maklumat DNA ke dalam Bank Data DNA

14. (1) Sampel intim dan bukan intim hendaklah dianalisis dan disenggara mengikut tatacara makmal DNA yang standard.

(2) Apabila mendapat notis penyerahan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya oleh makmal DNA, pegawai Bank Data DNA hendaklah terlebih dahulu menilai profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya.

(3) Pegawai Bank Data DNA hendaklah kemudiannya memuat naik profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya ke dalam indeks Bank Data masing-masing.

(4) Suatu daftar hendaklah disenggarakan untuk merekod maklumat berhubung dengan semua profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang dimuat naik ke dalam indeks Bank Data masing-masing.

Pelupusan sampel intim dan bukan intim

15. (1) Ketua Bank Data DNA hendaklah, tanpa kelengahan, memusnahkan mana-mana bahagian sampel intim atau bukan intim yang tinggal mengikut tatacara makmal yang standard.

(2) Seseorang yang sampel intim atau bukan intim diambil, hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada alamat terakhirnya yang diketahui bahawa apa-apa bahagian yang tinggal daripada sampelnya telah dilupuskan sekiranya Ketua Bank Data fikirkan wajar.

Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang yang disyaki

16. (1) Tertakluk kepada seksyen 17 Akta, Ketua Polis Daerah hendaklah memaklumkan Ketua Bank Data DNA bagi penghapusan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada indeks orang yang disyaki dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Orang yang disyaki itu hendaklah dimaklumkan secara bertulis di alamat terakhirnya yang diketahui bahawa sampel profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya telah dihapuskan daripada Bank Data DNA.

Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks sukarela

17. (1) Apabila mana-mana orang yang secara sukarela memberikan sampel intim atau bukan intimnya membuat permohonan secara bertulis untuk menarik balik kebenarannya, Ketua Bank Data DNA, apabila menerima permohonan itu, hendaklah menghapuskan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya bagi orang itu daripada indeks sukarela dalam tempoh enam bulan dari tarikh permohonan diterima.

(2) Ketua Bank Data DNA hendaklah memaklumkan orang yang membuat permohonan di bawah subperaturan (1) dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Pewujudan tatacara standard

18. (1) Ketua Bank Data DNA boleh mewujudkan tatacara—

(a) bagi pengambilan, penyimpanan dan penyebaran data berkaitan profil DNA mengikut standard profesional;

(b) untuk mencegah akses tanpa kebenaran kepada Bank Data DNA;

(c) untuk melepaskan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada Bank Data DNA;

(d) berhubung dengan pendedahan dalaman, akses atau penggunaan sampel profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya di dalam makmal DNA;

(e) berhubung dengan daftar bagi penyimpanan dan penghapusan sampel; atau

(f) berhubung dengan daftar bagi penyimpanan dan penghapusan profil DNA dan apa-apa maklumat dengannya daripada Indeks Bank Data DNA.

(2) Ketua Bank Data DNA boleh pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana makmal DNA berhubung dengan penyimpanan dan penghapusan sampel.

JADUAL PERTAMA

(peraturan 3)

BDDFM 01

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

KEBENARAN BAGI PENGAMBILAN SAMPEL INTIM/ SAMPEL BUKAN INTIM

Saya,.....,
pegawai diberi kuasa di bawah seksyen *12/13 Akta, mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki
*No. Kad Pengenalan /No. Pasport telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen dan mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu *sampel intim/bukan intim yang diambil adalah berkecenderungan untuk mengesahkan atau membuktikan sebaliknya perlakuan kesalahan oleh orang seperti yang dinyatakan di atas.

atau

Saya,.....pegawai
diberi kuasa di bawah seksyen *12/13 Akta, mengesahkan bahawa
.....No. Kad Pengenalan/
No. Pasport—

- (a) suatu perintah tahanan atau tangkapan telah dibuat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316] ke atasnya; atau
- (b) suatu perintah atau keputusan telah dibuat menurut Akta Penagih (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] terhadapnya.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen *12/13, saya mengeluarkan kebenaran ini untuk mengambil sampel *intim/bukan intim daripada orang yang disebut di atas.

Tarikh :

.....

(Pegawai yang diberi kuasa)

NOTA:* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEDUA
(peraturan 6)

BDDFM 02

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

BORANG KEIZINAN

Saya,

(Nama * individu yang memberikan keizinan/ibu bapa/penjaga dan *No. Kad
Pengenalan/No. Pasport/Pengenalan diri yang lain)

dari

.....

(alamat)

bersetuju untuk mengizinkan *sampel intim/bukan intim milik

.....

.....

(nama orang yang memberi sampel)

diambil di bawah *seksyen 12 (pengambilan sampel intim)/seksyen 15 (sampel banduan) Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 bagi tujuan analisis forensik DNA sepertimana yang dikehendaki di bawah perenggan *3(3)(b)/3(3)(c)/3(3)(d)/3(3)(e) Akta, oleh kerana permohonan yang dibuat oleh

.....

(nama pegawai yang memohon)

Saya telah *membaca/dimaklumkan dan memahami notis (BDDFM 02A) bagi permohonan ini.

Tarikh:

.....

*(Tandatangan orang yang memberikan keizinan/ibu bapa/penjaga orang yang memberikan keizinan)

Tarikh:
.....
(Nama dan tandatangan pegawai yang memohon)

Tarikh:
.....
(Nama dan tandatangan saksi)

NOTA : * Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG INI HENDAKLAH DICETAK DI BAHAGIAN BELAKANG BDDFM 02

BDDFM 02A

PEMBERITAHUAN KEPADA ORANG YANG DISYAKI

Sila ambil perhatian bahawa:

- (1) Terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu telah disyaki melakukan kesalahan jenayah dan *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu dikehendaki untuk memberikan *sampel intim/ sampel bukan intim bagi tujuan analisis forensik DNA di bawah Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik 2009.

Analisis forensik DNA adalah cenderung untuk mengesahkan atau menafikan penglibatan atau perhubungan *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu dalam perlakuan jenayah.

- (2) Sekiranya *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu, yang daripadanya suatu sampel bukan intim akan diambil di bawah Akta ini enggan untuk memberikan sampel tersebut, atau enggan untuk membenarkan sampel tersebut diambil tanpa sebarang sebab yang munasabah, atau sampel tersebut tidak boleh diperolehi walaupun setelah semua usaha yang sewajarnya telah diambil, *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu boleh dibawa ke hadapan majistret dan majistret boleh, sekiranya berpuas hati bahawa wujud sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sampel tersebut cenderung untuk mengesahkan atau menafikan perlakuan kesalahan jenayah oleh *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu, mengarahkan *kamu/anak kamu/orang di bawah jagaan kamu supaya memberikan sampel bukan intim milik *kamu/dia.

Tarikh:

.....

(Nama dan tandatangan pegawai yang memohon)

Tarikh:

.....

*(Tandatangan orang yang memberikan keizinan/ibu bapa/penjaga orang yang memberikan keizinan)

Tarikh:

.....

(Nama dan tandatangan saksi)

NOTA : * Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

(peraturan 7)

BDDFM 03

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

BORANG KEIZINAN BAGI SAMPEL YANG DIBERIKAN SECARA SUKARELA

Saya,.....

(Nama orang yang memberikan sampel dan *No. Kad Pengenalan/ No. Pasport/
Pengenalan diri yang lain)

dari.....

.....

(alamat)

mengizinkan untuk memberikan *sampel intim/ bukan intim di bawah seksyen 14 Akta
Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009 bagi tujuan analisis DNA forensik .

Saya/ibu bapa/penjaga telah dimaklumi dan memahami tentang kesan pemberian
sampel ini secara sukarela.

Tarikh:

.....

*(Tandatangan orang yang memberikan
keizinan/ibu bapa/penjaga yang
memberikan keizinan)

Nama:

No. Kad Pengenalan/No. Pasport/Pengenalan

Diri yang Lain:

Alamat:

JADUAL KEEMPAT
(peraturan 16)

BDDFM 04

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

PENGHAPUSAN PROFIL DAN MAKLUMAT DNA DARIPADA INDEKS ORANG YANG
DISYAKI

Kepada:

KETUA BANK DATA DNA

Menurut seksyen 17 Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009, sila hapuskan profil DNA dan apa-apa maklumat yang berhubungan dengannya orang yang seperti senarai yang dilampirkan daripada Bank Data DNA.

Tarikh :

.....

(Nama dan tandatangan)

KETUA POLIS DAERAH

JADUAL KELIMA
(peraturan 17)

BDDFM 05

AKTA IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2009

PENGHAPUSAN PROFIL DAN MAKLUMAT DNA DARIPADA INDEKS SUKARELA

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Merujuk kepada permohonan tuan/puan bertarikh, dengan ini dimaklumkan bahawa profil DNA milik tuan/puan dan apa-apa maklumat yang berhubungan dengannya telah dihapuskan daripada Bank Data DNA.

Tarikh :

.....

(Nama dan tandatangan)

KETUA BANK DATA DNA

Dibuat 11 Julai 2012

[KDN(S):PS/03/709/3 Jld 3; PN(PU2)690/II]

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Dalam Negeri

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 24(3) Akta Identifikasi Asid
Deoksiribonukleik (DNA) 2009]*

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Authorization for taking intimate or non-intimate sample
4. Information to be given before making a request for taking intimate sample
5. Information to be given before making a request for taking non-intimate sample
6. Appropriate consent to be given before taking intimate sample
7. Appropriate consent to be given before taking intimate or non-intimate sample given voluntarily
8. Procedure for taking intimate sample
9. Procedure for taking non-intimate sample
10. Procedure for taking intimate or non-intimate sample at crime scene
11. Storage and delivery of a DNA package
12. Information to be recorded when a DNA package is delivered
13. Storage of intimate and non-intimate sample
14. Uploading of DNA profile and information into DNA Databank
15. Disposal of intimate and non-intimate sample
16. Removal of the DNA profile and information from suspected person's index
17. Removal of the DNA profile and information from voluntary index
18. Establishment of standard procedures

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FOURTH SCHEDULE

FIFTH SCHEDULE

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 24 of the Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009 [Act 699], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2012.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“DNA laboratory” means a laboratory that performs forensic DNA analysis on intimate or non-intimate sample taken from a human body or crime scene, in the Chemistry Department of Malaysia or Forensic Laboratory of the Royal Malaysia Police or any agency or body as may be designated by the Minister pursuant to section 5 of the Act;

“DNA package” means a package or receptacle containing intimate or non-intimate sample which has been labelled with an identifying mark and sealed as required under regulations 8 and 9, as the case may be.

Authorization for taking intimate or non-intimate sample

3. For the purpose of taking intimate or non-intimate sample from any person referred to under section 12 or 13 of the Act, the authorized officer shall give his authorization in writing in the form specified in the First Schedule.

Information to be given before making a request for taking intimate sample

4. Where an intimate sample shall be requested from a person, a police officer shall inform such person—

- (a)* of the type of intimate sample required;
- (b)* of the ground and purpose for requesting the intimate sample;
- (c)* that the consent shall be in writing; and
- (d)* that the intimate sample shall be analyzed and the result of the analysis may be used as evidence in criminal investigation, prosecution or for other purpose.

Information to be given before making a request for taking non-intimate sample

5. Where a non-intimate sample shall be requested from a person, a police officer shall inform such person—

- (a)* of the type of non-intimate sample required;
- (b)* of the ground and purpose for requesting the non-intimate sample; and
- (c)* that the non-intimate sample shall be analyzed and the result of the analysis may be used as evidence in criminal investigation, prosecution or for other purpose.

Appropriate consent to be given before taking intimate sample

6. For the purpose of taking an intimate sample from—

- (a)* a person reasonably suspected of having committed an offence;
- (b)* a detainee;

(c) a drug dependent; or

(d) a prisoner,

an appropriate consent shall be given by the person from whom the intimate sample is taken in the form specified in the Second Schedule.

Appropriate consent to be given before taking intimate or non-intimate sample given voluntarily

7. For the purpose of taking an intimate or non-intimate sample given voluntarily, the person giving the intimate or non-intimate sample voluntarily shall give his appropriate consent in the form specified in the Third Schedule.

Procedure for taking intimate sample

8. (1) A government medical officer who takes an intimate sample from any person shall ensure that the procedure for obtaining the intimate sample is carried out in a manner consistent with the appropriate medical or other related professional body.

(2) The government medical officer shall ensure that the receptacle containing the intimate sample or the package containing the receptacle of the intimate sample is—

(a) labelled with an identifying mark;

(b) sealed; and

(c) handed over to the police officer who is responsible for collection of the intimate sample.

(3) The identifying mark mentioned in paragraph (2)(a) shall include—

(a) the name of the person from whom the intimate sample was taken;

- (b)* the identification card number, passport number or any other identification of that person, as the case may be;
- (c)* the date of collection of the intimate sample; and
- (d)* police report number, if relevant.

Procedure for taking non-intimate sample

9. (1) A government medical officer, police officer or chemist who takes a non-intimate sample from any person shall ensure that the procedure for obtaining the non-intimate sample is carried out in a manner consistent with the medical or other related professional standard.

(2) The government medical officer, police officer or chemist shall ensure that the receptacle containing the non-intimate sample or the package containing the receptacle of the non-intimate sample is—

- (a)* labelled with an identifying mark;
- (b)* sealed; and
- (c)* handed over to the police officer who is responsible for collection of the non-intimate sample.

(3) The identifying mark mentioned in paragraph (2)(a) shall include—

- (a)* the name of the person from whom the non-intimate sample was taken;
- (b)* the identification card number, passport number or any other identification of that person, as the case may be;
- (c)* the date of collection of the non-intimate sample; and

- (d) police report number, if relevant.

Procedure for taking intimate or non-intimate sample at crime scene

10. When an intimate or non-intimate sample is found—

- (a) on any thing or at any place where an offence was committed;
- (b) on or within the body of a victim of an offence;
- (c) on any thing worn or carried by the victim of an offence at the time when the offence was committed; or
- (d) on or within the body of any person reasonably suspected of having committed an offence,

the police officer who takes an intimate or non-intimate sample from a crime scene shall ensure that the procedure for taking the intimate or non-intimate sample is carried out in a manner consistent with the Standing Order, issued by the Inspector-General of Police pursuant to section 97 of the Police Act 1967 [Act 344].

Storage and delivery of a DNA package

11. (1) Every DNA package collected prior to delivery to the DNA laboratory shall be securely stored.

(2) The police officer who is responsible for collection of the intimate or non-intimate sample mentioned in paragraphs 8(2)(c) and 9(2)(c) shall deliver the DNA package to the DNA laboratory within a reasonable time.

(3) The DNA package submitted to the DNA laboratory for forensic analysis shall be accompanied with a letter of request from a police officer.

Information to be recorded when a DNA package is delivered

12. (1) The DNA laboratory which receives the DNA package for analysis shall ensure that the DNA package is properly sealed, labeled and identifiable.

(2) The DNA package shall be registered according to the standard operating procedure of the DNA laboratory.

Storage of intimate and non-intimate sample

13. (1) The Head of DNA Databank shall ensure that the intimate or non-intimate sample received is stored in a designated secured location at the DNA laboratory.

(2) The Head of DNA Databank shall establish and maintain a register for the purpose of dealing with the storage of intimate sample and non-intimate sample.

Uploading of DNA profile and information into DNA Databank

14. (1) The intimate and non-intimate sample shall be analyzed and administered according to the standard laboratory procedure.

(2) Upon obtaining notice of submission of the DNA profile and any information in relation thereto by the DNA laboratory, the DNA Databank officer shall first evaluate the DNA profile and any information in relation thereto.

(3) The DNA Databank officer shall then up-load the DNA profile and any information in relation thereto into the respective indices of the Databank.

(4) A register shall be maintained to record information relating to all DNA profiles and any information in relation thereto that are uploaded into the respective indices of the Databank.

Disposal of intimate and non-intimate sample

15. (1) The Head of DNA Databank shall, without delay, destroy any remaining portion of intimate or non-intimate sample according to the standard laboratory procedure.

(2) The person whose intimate or non-intimate sample has been taken, shall be informed in writing to his last known address that any remaining portions of his sample has been disposed if the Head of DNA Databank considers appropriate.

Removal of the DNA profile and information from suspected person's index

16. (1) Subject to section 17 of the Act, the Officer in Charge of a Police District shall notify the Head of the DNA Databank for removal of the DNA profile and any information in relation thereto from suspected person's index in the form specified in the Fourth Schedule.

(2) The suspected person shall be informed in writing to his last known address that his DNA profile and any information in relation thereto has been removed from the DNA Databank.

Removal of the DNA profile and information from voluntary index

17. (1) When any person who voluntarily give his intimate or non-intimate sample makes an application in writing to withdraw his consent, the Head of DNA Databank upon receiving such application, shall remove the DNA profile and any information of such person from voluntary index within six months from application received.

(2) The Head of the DNA Databank shall inform the person who makes an application under subregulation (1) in the form specified in the Fifth Schedule.

Establishment of standard procedures

18. (1) The Head of DNA Databank may establish the procedures —

(a) for collection, preservation, dissemination of data related to DNA profile according to the professional standard;

(b) to prevent unauthorized access to the DNA Databank;

- (c) to release DNA profile and any information in relation thereto from the DNA Databank;
- (d) in relation to the internal disclosure, the access or use of a sample of the DNA profile and any information in relation thereto in a DNA laboratory;
- (e) in relation to the register for the storage and the disposal of the sample; or
- (f) in relation to the register for the storage and and removal of the DNA profile and any information in relation thereto from the DNA Databank indices.

(2) The Head of DNA Databank may at anytime inspect any DNA laboratory in relation to the storage and the disposal of the sample.

FIRST SCHEDULE

(regulation 3)

FDDM 01

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

AUTHORIZATION FOR THE TAKING OF INTIMATE/NON-INTIMATE SAMPLE

I,.....,
 an authorized officer mentioned under section *12/13 of the Act, have reasonable grounds to suspect that
 *Identity Card No./Passport No. has committed an offence under section of and have reasonable grounds to believe that *an intimate/a non-intimate sample will tend to confirm or disprove the commission of the offence by the person mentioned above.

or

I
 an authorized officer mentioned under section *12/13 of the Act, confirm that *Identity Card No./Passport No.

(a) a detention order or an arrest has been made under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 [Act 316] against him; or

(b) an order or a decision has been made pursuant to the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 [Act 283] against him.

In exercise of the powers conferred by section *12/13, I issue this authorization to have the * intimate/non intimate sample taken from the person mentioned above.

Date:

.....

(Authorizing officer)

NOTE: * Delete whichever is not applicable

SECOND SCHEDULE

(regulation 6)

FDDM 02

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

CONSENT FORM

I,

(Name of *person giving consent/parents/guardian name and *Identity Card
No./Passport No./Other Identification)

of.....

.....

(address)

consent to allow the *intimate/non-intimate sample of.....

(name of person giving samples)

to be taken under *section 12 (taking of intimate sample)/section 15 (sample of
prisoner) of the Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009 for forensic DNA
analysis as required under paragraphs *3(3)(b)/3(3)(c)/3(3)(d)/3(3)(e) of the Act,
further to a request being made by

(name of police requesting officer)

I have *read / been informed and understood the notice (FDDM 02A) for the request.

Date:

.....

(Signature of *person/parents of person/
guardian of person giving consent)

Date:

.....

(Name and signature of requesting officer)

Date:

.....

(Name and signature of witness)

NOTE: * Delete whichever is not applicable

THIS FORM IS TO BE PRINTED AT THE BACK OF FDDM 02

FDDM 02A

NOTIFICATION TO SUSPECT

Please note that:

- (1) There are reasonable grounds for believing that *you/your child/the person under your custody have been suspected of committing an offence of and *you/your child/the person under your custody are required to give an *intimate/non-intimate sample for forensic DNA analysis under the Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009.

The forensic DNA analysis would tend to confirm or disprove *your/your child/ the person under your custody involvement in or association with the commission of the offence.

- (2) If *you/your child/the person under your custody, from whom a non-intimate sample is to be taken under this Act refuse to give the sample, or refuse to allow the sample to be taken without good cause or the sample cannot be obtained despite all reasonable efforts taken, *you/your child/the person under your custody may be taken before a magistrate and the magistrate may, if satisfied that there is reasonable cause to believe that the sample tends to confirm or disprove the commission of an offence by *you/your child/the person under your custody, order *you/your child/the person under your custody to provide *your/his non-intimate sample.

Date :

.....

(Name and signature of requesting officer)

Date :

.....

(Signature of *person/parents of person/
guardian of person giving consent)

Date :

.....

(Name and signature of witness)

NOTE : * Delete whichever is not applicable

THIRD SCHEDULE
(regulation 7)

FDDM 03

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

CONSENT FORM FOR SAMPLE GIVEN VOLUNTARILY

I,

(Name of person giving sample and *Identity Card No. /Passport No./Other
Identification)

of.....

.....

(address)

consent to give the *intimate/non-intimate sample under section 14 of the
Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009 for forensic DNA analysis.

I/parent/guardian have been informed and understood the consequences of giving the
sample voluntarily.

Date :

.....
*(Signature of person/parents/
guardian giving consent)

Name:

Identity Card No. /Passport No./Other

Identification:

Adress:

FOURTH SCHEDULE
(regulation 16)

FDDM 04

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

REMOVAL OF DNA PROFILE AND INFORMATION FROM
SUSPECTED PERSONS INDEX

To:

HEAD OF DNA DATABANK

Pursuant to section 17 of the Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009, please remove the DNA profile and any information in relation thereto of the person(s) as per attached list from the DNA Databank.

Date :

.....

(Name and signature)

OFFICER-IN-CHARGE OF POLICE DISTRICT

FIFTH SCHEDULE
(regulation 17)

FDDM 05

DEOXYRIBONUCLEIC ACID (DNA) IDENTIFICATION ACT 2009

REMOVAL OF DNA PROFILE AND INFORMATION FROM VOLUNTARY INDEX

To:

.....
.....
.....
.....

With reference to your application dated, this is to inform you that your DNA profile and any related information has been removed from the DNA Databank.

Date :

.....

(Name and signature)

HEAD OF DNA DATABANK

Made 11 July 2012

[KDN(S): PS/03/709/3 Jld 3; PN(PU2)690/II]

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Minister of Home Affairs

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 24(3) of the Deoxyribonucleic Acid (DNA) Identification Act 2009]